

Malaysia terus sokong usaha selesaikan krisis Myanmar

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim - Februari 26, 2022 @ 2:13pm
mohd_iskandar@bh.com.my



KUALA LUMPUR: Malaysia kekal menyokong tugas Utusan Khas ASEAN untuk mencari jalan penyelesaian terbaik dan komprehensif susulan krisis di Myanmar, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, perkara itu dimaklumkan kepada rakan sejawatnya, Prayuth Chan o-cha dalam pertemuan di Rumah Kerajaan di Bangkok, semalam.

"Berkenaan isu serantau, saya dan Perdana Menteri Thailand berbincang mengenai situasi di Myanmar.

"Saya juga menyatakan pendirian Malaysia yang menyokong pelaksanaan the Five-Point Consensus yang dipersetujui oleh pemimpin ASEAN sebelum ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media di Bangkok yang disiarkan secara langsung di RTM dan Facebook hari ini.

Ismail Sabri berkata, beliau dan Prayuth amat berharap ASEAN di bawah kepimpinan Kemboja berupaya membawa perubahan positif dalam menangani krisis di Myanmar.

Kerajaan junta Myanmar sebelum ini mengkritik gesaan supaya Utusan Khas ASEAN ke negara yang dilanda konflik itu bertemu dengan pihak yang menentang rampasan kuasa.

Myanmar berdepan krisis sejak tentera menggulingkan kerajaan yang dipilih setahun lalu, dengan kumpulan aktivis berpangkalan di Thailand mendakwa lebih 1,500 orang awam terbunuh akibat tindakan keras terhadap penentang junta.